

boleh menyebabkan dirinya tidak berupaya menyiapkan atau memperlihatkan niatnya enggan menyiapkan kerja.

- 3.15.2 Apabila terbukti Kontraktor tidak mungkin dapat menyiapkan atau beliau memperlihatkan niatnya enggan menyiapkannya atau telah menyebabkan dirinya tidak berupaya menyiapkan kerja, adalah perlu untuk menimbangkan cara-cara lain bagi menyiapkan kerja tersebut. Pengambilan kerja Kontraktor hendaklah ditamatkan. Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akan dikeluarkan dahulu diikuti oleh Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.
- 3.15.3 Apabila pengambilan kerja Kontraktor ditamatkan, baki kerja yang tidak siap akan diserahkan melalui kontrak kepada Kontraktor lain, dan proses yang diuraikan dalam perenggan 3.8 hingga 3.15 akan diulangi.

3.16 Penyiapan dan Penyerahan Kerja

- 3.16.1 Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan apabila semua kerja siap. Kerja yang telah disiapkan diserahkan oleh Kontraktor kepada JKR yang seterusnya menyerahkannya kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan.
- 3.16.2 Pengeluaran Perakuan Siap Kerja menandakan permulaan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang ditetapkan selama enam atau dua belas bulan bergantung kepada anggaran nilai Kontrak. Sebarang kecacatan yang mungkin kelihatan dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor. Apabila semua kecacatan telah diperbaiki, Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan.

3.17 Pelantikan Subkontraktor dan Pembekal

- 3.17.1 Wang Kos Prima dan/atau Wang Peruntukan Sementara sering kali dimasukkan ke dalam Kontrak bagi kerja yang perlu dijalankan oleh subkontraktor, atau bagi bahan-bahan atau barang-barang yang perlu dibekalkan oleh pembekal-pembekal yang dilantik oleh P.P.. Subkontraktor atau pembekal yang dilantik